

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini mengenai pemansuhan hukuman gantung yang membabitkan kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan kesalahan-kesalahan jenayah lain.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya, Kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan komitmen kepimpinan terdahulu bagi memansuhkan hukuman mati mandatori dan syor hukuman gantian dengan budi bicara Mahkamah. Dalam hal ini, Laporan Akhir Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori yang telah disediakan Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori mengandungi antara lain, syor-syor hukuman gantian terhadap 11 kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori, kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya

1952 [Akta 234] dan 21 kesalahan yang membawa hukuman mati tetapi dengan budi bicara Mahkamah. Ini turut termasuk kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

Melalui kajian yang sama, buat julung kalinya juga polisi penghukuman dalam sistem keadilan di negara ini telah disemak dan dikaji semula. Ia merupakan penambahbaikan kepada “criminal justice system” di mana Jawatankuasa Khas telah mengesyorkan hukuman gantian yang bersifat adil dan setimpal dengan kesalahan jenayah yang telah dilakukan. Kajian ini juga telah dilaksanakan berdasarkan sesi libat urus yang menyeluruh dan komprehensif melibatkan orang awam, keluarga banduan, keluarga mangsa, agamawan Islam dan Bukan Islam, banduan, pakar akademik, CSO/NGO termasuk pandangan pakar perundangan dari luar negara.

Secara umumnya, laporan ini dijangka dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam masa terdekat. Sebarang tindakan susulan adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan berkaitan Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori dan syor-syor yang dinyatakan dalam laporan tersebut. Pertimbangan dan keputusan Kerajaan terhadap kajian ini akan turut mengambil kira kepentingan dan kemaslahatan rakyat secara keseluruhan termasuk aspek berkaitan pencegahan jenayah, kesan yang dihadapi oleh keluarga mangsa serta kesedaran kepada orang awam.

Sekian, terima kasih.